

## TIGA PELAJAR CEDERA REMPUH LEMBU

# 'Saya mengambil tanggungjawab sepenuhnya'

Harim Metro (22/1/23) Sabtu (Lokal) m/r: 5

**Pekan:** Pemilik lembu yang mengakibatkan tiga penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) cedera selepas melanggar lembu miliknya pada Rabu lalu akan bertanggungjawab sepenuhnya termasuk membayar ganti rugi dan kos rawatan.

Lelaki yang mahu dikenali sebagai Pyan, 30-an, berkata, sebagai pemilik haiwan berkenaan, dia perlu tampil membantu setiap mangsa kemalangan terbabit.

Menurutnya, dia sudah bertemu tiga mangsa yang menerima rawatan di Hospital Pekan di sini, pada ma-

lam kejadian untuk bertanya keadaan mereka.

"Saya mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kejadian seperti motosikal Honda Wave 150R milik Muhammad Adeeb Husaini Razali, 19, yang rosak teruk akan diganti. Terulang kepada dia sama ada ingin wang tunai atau perlukan motosikal.

"Saya juga bertemu keluarga dia (Muhammad Adeeb Husaini) serta memberi sejumlah wang untuk rawatan dan perbelanjaan keluarganya datang untuk membarunya pulang ke Ipoh, Perak.



MUHAMMAD Adeeb (tengah), Ahmad Irfan (kiri) dan Muhammad Aqil yang terbabit kemalangan dengan lembu.

"Dua lagi remaja iaitu Ahmad Irfan Fahmi Romziman, 19, dan Muhammad Aqil Safliy Arif, 19, juga akan diberikan bantuan kewangan untuk rawatan selain kos membaiki kerosakan motosikal milik Ahmad Irfan," katanya dihubungi, di sini.

Menurutnya, lembu jantan yang dilanggar penuntut terbabit sebenarnya terlepas daripada kawasan keliaran selepas haiwan itu merempuh pagar elektrik sebelum berada atas jalan ketika kejadian berlaku.

Katanya, dia mengusahakan projek ternakan lembu

secara berkumpulan bersama beberapa individu dan kini ada lebih 25 ekor.

"Saya boleh lepas tangan dengan tidak mengaku sebagai pemilik lembu terbabit, namun tidak sanggup berbuat demikian kerana pasti akan berlaku musibah kepada diri saya suatu hari nanti.

"Biar menanggung kerugian asalkan tidak ditimpa musibah dan lembu jantan itu juga sudah disembelih dengan dagingnya disedekahkan kepada individu yang membantu mangsa termasuk mereka yang berada di tempat kejadian," katanya.